

Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, aplikasi mudah alih itu akan menjadi satu kemudahan kepada semua peserta sepanjang kejohanan berlangsung nanti.

Menurutnya, aplikasi mudah alih yang dibangunkan UUMIT itu mengandungi maklumat tentang skor langsung golf, *course layout*, jadual kejohanan dan keputusan rasmi yang mana aplikasi tersebut boleh dimuat turun secara percuma di Google Play dan Apple Store seminggu sebelum kejohanan.

Sempena kejohanan golf paling berprestij itu juga, beliau berkata, laman sesawang tentang kejohanan tersebut turut dibangunkan dan boleh dilayari di www.golfua.uum.edu.my

“Dengan kemudahan ini, semua peserta dapat mengakses maklumat berkaitan kejohanan golf dengan lebih cepat dan mudah secara ‘live’.

“Saya berharap penganjuran Kejohanan Golf Universiti Awam di UUM akan menjadi kenangan penganjuran yang terbaik dan rujukan untuk penganjuran yang akan datang,” katanya pada Majlis Pelancaran Kejohanan Golf Universiti Awam Ke-47 di EDC Hotels & Resorts, semalam.

Naib Canselor berkata, Kejohanan Golf Universiti Awam Malaysia merupakan acara sukan yang dianjurkan universiti awam di negara ini secara bergilir pada setiap tahun sejak 1973.

Menurutnya, ia bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara kakitangan universiti awam dan membuka pelbagai ruang kerjasama dalam pengurusan, pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan.

Katanya, kejohanan itu juga menyediakan peluang jaringan industri melalui penglibatan syarikat swasta dan meningkatkan nilai diri dalam kalangan peserta.

“Pada masa sama, penganjuran kejohanan golf ini juga adalah bagi memperkenalkan padang golf UUM yang sudah lengkap 18 lubang.

“Lapangan golf yang unik ini sudah bersedia untuk mencabar kemampuan dan kemahiran peserta yang akan bertanding pada kejohanan ini nanti,” katanya.

Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah Darul Aman telah berkenan menyempurnakan titah pelancaran kejohanan golf, diikuti dengan tayangan montaj pelancaran aplikasi mudah alih dan laman sesawang yang dibangunkan sempena kejohanan itu.

Pada majlis sama, Tuanku Raja Muda Kedah Darul Aman yang juga Pro-Canselor UUM turut berkenan menyaksikan penyampaian replika cek penajaan dan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kelab Golf dan Rekreasi Universiti Utara Malaysia (KGRUUM) yang diwakili Prof. Ir. Dr. Che Sobry Abdullah dengan Naza Solution Sdn. Bhd. yang diwakili Pengarah Pembangunan Perniagaan, Nor Hisyam Mohd Johor.

Seramai 320 pemain golf dari universiti awam seluruh negara termasuk 24 pemain dari UUM bakal berentap dalam kejohanan golf yang akan diadakan di tiga lokasi iaitu Kelab Golf dan Rekreasi UUM, Darulaman Golf & Country Club di Jitra dan Cinta Sayang Golf & Country Club di Sungai Petani.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.